



Kelawar Bakau

Myotis hasselti

Lesser Large-footed Bat

Famili: Vespertilionidae

Ciri-ciri

Bahagian atas badan yang berwarna coklat gelap ke coklat kelabu dan pangkal bulu yang berwarna gelap. Bahagian bawah badannya pula berwarna kelabu keputihan dengan penghujung berwarna putih kotor. Berwarna coklat kekelabuan pada telinga dan selaput penerbangan. Gigi kedua geraham kecil hampir bersentuhan dengan gigi geraham pertama dan ketiga.

Taburan

Boleh ditemui di Semenanjung Malaysia iaitu di Negeri Perlis, Perak, Selangor dan Pulau Langkawi. Spesies ini juga telah direkodkan di Sri Lanka, Indonesia dan Borneo. Di Negeri Perak ia ditemui di kawasan hutan paya bakau di Daerah Larut Matang.

Habitat

Boleh ditemui di kawasan hutan paya bakau.

Tabiat

Spesies ini biasanya mencari makanan di kawasan permukaan air di hutan bakau hingga ke tepi laut. Kaki kebiasaannya dimasukkan ke dalam air bagi menangkap ikan. Tidak banyak data mengenai spesies ini diperolehi.